



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



KERATAN AKHBAR



KERATAN BERTARIKH: 14 MEI 2024
HARI : SELASA
RUANGAN: NASIONAL
HALAMAN: 10

Hadis 40 Imam al-Nawawi akan diperkenal di Tabika Kemas

KUALA NERUS - Penghayatan Hadis 40 Imam al-Nawawi akan diperkenalkan di setiap Taman Bimbingan Kanak Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di seluruh negara.

Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, latihan akan diberikan terlebih dahulu kepada guru dengan melibatkan 4,145 Tabika Kemas di negara ini bermula Jun depan.

Menurutnya, pada masa sama guru di Tabika Kemas juga akan diberikan latihan berhubung Program Tabika Pra Tahfiz pada bulan Jun ini.

"Program ini sudah dimulakan di peringkat Kementerian Pendidikan. Jadi Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berhasrat ingin mengambil semangat daripada inisiatif Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk bukan sahaja melaksanakan (Hadis 40 Imam al-Nawawi) di peringkat sekolah rendah tetapi dimulakan di peringkat tadika.

"Dengan adanya buku poket Hadis 40

Imam al-Nawawi ini, maka ia mudah diajar dan difahami oleh sesiapa sahaja dalam konteks pemahaman Hadis 40 sekali gus boleh dijadikan sebahagian daripada program pendidikan di peringkat Tabika Kemas," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Buku Hadis 40 Imam al-Nawawi di Dewan Al-Muktafi Billah Shah di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), di sini pada Isnin.

Sebelum ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyatakan Penghayatan Hadis 40 Imam al-Nawawi mula dilaksanakan di semua institusi pendidikan pada Sesi Persekolahan 2024/2025 bagi memartabatkan syiar Islam.

KPM berkata, aktiviti itu diperluaskan di semua institusi pendidikan termasuk di sekolah, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kolej Vokasional dan Kolej Matrikulasi.

Mengulas lanjut, Asyraf Wajdi berkata, buku Hadis 40 Imam al-Nawawi mempunyai bahasa yang mudah serta setiap



Asyraf Wajdi (tengah) ketika Majlis Pelancaran Buku Hadis 40 Imam al-Nawawi di Dewan Al-Muktafi Billah Shah UniSZA, Kuala Nerus pada Isnin.

hadis berkenaan memiliki pengajarannya.

Menurutnya, ia juga merangkumi aspek pembinaan peribadi, sahsiah dan akhlak yang menjadi asas penting bagi setiap individu dalam memahami Islam

itu sendiri.

"Ini bagi memastikan tidak berlaku pemikiran ekstrem, dangkal selain memastikan ia berpaksikan kepada sumber atau asas Islam yang sebenar," ujarnya.